



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

(Department of Agriculture Malaysia)

WISMA TANI

ARAS 14, NO. 30 PERSIARAN PERDANA


PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA

Tel: 603-8870 3038/3050
Faks: 603-8870 3044
Laman Web: www.doa.gov.my
E-mail: pro@doa.gov.my



Ruj. Kami : JP KPP.UJ 100-15/2/5 JLD. 2 (6)

Tarikh : 16 Februari 2022



Senarai Edaran

YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,


PELAKSANAAN BORANG PENGISYTIHARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN (CONFLICT OF INTEREST) BAGI KAKITANGAN JABATAN PERTANIAN DAN SURAT AKUAN SYARIKAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN MS ISO 37001:2016 SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR) JABATAN PERTANIAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang telah dimaklumkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Bil.3/2021 yang telah diadakan pada 8 November 2021, Jabatan Pertanian sedang dalam persediaan ke arah pelaksanaan MS ISO 37001: 2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR). Sehubungan itu, Jabatan akan melaksanakan beberapa penambahbaikan tadbir urus yang perlu dipatuhi oleh semua kakitangan Jabatan dan syarikat-syarikat yang berurusan dengan Jabatan Pertanian bagi menunjukkan komitmen antirasuah dalam memenuhi keperluan SPAR.

3. YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memastikan borang/ surat akuan berikut ditandatangani oleh kakitangan Jabatan/ syarikat (rujuk lampiran) yang dilantik sebagai Rakan Strategik Jabatan dan mana-mana syarikat yang berurusniaga dengan Jabatan (pemain industri) atau dikenali sebagai Rakan Niaga di dalam SPAR:

- i. Borang Pengisytiharan Percanggahan Kepentingan (*Conflict of Interest*)
- ii. Surat Akuan Syarikat Jalinan Kerjasama Strategik Dengan Jabatan Pertanian
- iii. Surat Akuan Syarikat Rakan Niaga Jabatan Pertanian



4. Borang/ surat akuan yang telah ditandatangani hendaklah disimpan di bahagian masing-masing dan satu (1) salinan diserahkan kepada Unit Integriti untuk tujuan rekod. Untuk sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Puan Maznah binti Che Muda di talian 03-8870 2484 atau Puan Dalila binti Bahrin di talian 03-8870 3023.

Sekian, terima kasih.

" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ZAHIM BIN HASSAN)

Ketua Pengarah Pertanian

Jabatan Pertanian

PUTRAJAYA.

SENARAI EDARAN

1. Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan)
2. Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)
3. Pengarah Bahagian Pengembangan Pertanian
4. Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Tanaman
5. Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Tanah
6. Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
7. Pengarah Bahagian Kawalan Racun Perosak Dan Baja
8. Pengarah Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
9. Pengarah Bahagian Perancangan Strategik
10. Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan
11. Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
12. Pengarah Bahagian Kejuruteraan Pertanian
13. Pengarah Bahagian Pertanian Bandar
14. Pengarah Bahagian Perkhidmatan Makmal
15. Ketua Unit Integriti
16. Ketua Unit Komunikasi Korporat
17. Ketua Unit Undang-Undang

**PIHAK YANG PERLU MENANDATANGANI BORANG PENGISYTIHARAN
PERCANGGAHAN KEPENTINGAN (*CONFLICT OF INTEREST*)/ SURAT AKUAN
SYARIKAT**

Bil.	Borang/ Surat Akuan	Penerangan
1	Borang Pengisytiharan Percanggahan Kepentingan (<i>Conflict of Interest</i>)	Perlu ditandatangani oleh kakitangan Jabatan Pertanian yang dilantik/ diarah melaksanakan tugas berikut bagi projek/ mesyuarat/ temuduga/ lain-lain tugas yang memerlukan pengisytiharan: i. <i>Auditor</i> ii. Pengerusi/ Ahli Jawatankuasa/ <i>Desk Officer/</i> Urusetia mesyuarat yang melibatkan kelulusan atau pengesyoran kelulusan iii. Penemuduga bagi pengambilan kakitangan/ peserta projek/ pelajar IP
2	Surat Akuan Syarikat: Jalinan Kerjasama Strategik Dengan Jabatan Pertanian	Perlu ditandatangani oleh syarikat yang menjalinkan kerjasama strategik dengan Jabatan Pertanian dan dilantik sebagai Rakan Strategik Jabatan Pertanian melalui Nota Kerjasama Strategik.
3	Surat Akuan Syarikat: Rakan Niaga Jabatan Pertanian	Perlu ditandatangani oleh syarikat (pemain industri) yang terlibat dengan sebarang urusan niaga dengan Jabatan Pertanian seperti syarikat yang diluluskan Approved Permit (AP), syarikat pengeluar racun, syarikat yang memohon Sijil Fitosanitasi, syarikat yang mengeluarkan benih padi sah dsb.)

**BORANG PENGISYTIHARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN (*CONFLICT OF INTEREST*)**

Saya, nombor K.P dari
Bahagian/Unit adalah dengan sesungguhnya dan
sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Saya telah dilantik/ diarahkan melaksanakan tugas sebagai
bagi projek/ mesyuarat/ temuduga/ lain-lain tugas iaitu:
- 1)
 - 2)
 - 3)

tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan hak atau dipengaruhi
oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran
seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];

- ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat saya mempunyai apa-apa
kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan atau urusan-urusan lain yang berkaitan
dengan projek/ mesyuarat/ temuduga yang dikendalikan oleh saya;
- iii. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan atau projek/
mesyuarat/ temuduga kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972
[Akta 88]; dan
- iv. Saya sesungguhnya akur dan faham bahawa jika saya disabitkan kerana melanggar mana-
mana terma dalam surat akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah
Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama :

Jawatan/Gred :

No. Kad Pengenalan :

Tandatangan :

Tarikh :



**SURAT AKUAN SYARIKAT
RAKAN NIAGA JABATAN PERTANIAN**

Bidang Niaga :

Nama Bahagian (di Jabatan Pertanian) Terlibat Urusniaga:

Saya, nombor K.P yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Pertanian atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih sebagai Rakan Niaga Jabatan Pertanian di dalam Bidang Niaga seperti di atas. Bersama ini disertakan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Pertanian atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih sebagai Rakan Niaga Jabatan Pertanian di dalam Bidang Niaga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju:

- 2.1 Penarikan balik sebagai Rakan Niaga Jabatan Pertanian
- 2.2 Pembatalan Surat Tawaran/ Surat Kelulusan

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih sebagai Rakan Niaga Jabatan Pertanian di dalam Bidang Niaga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

Catatan: Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa



**SURAT AKUAN SYARIKAT
JALINAN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN JABATAN PERTANIAN**

Tajuk Kerjasama:

.....

Saya, nombor K.P yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Pertanian atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih sebagai Rakan Strategik Jabatan Pertanian di dalam Kerjasama seperti di atas. Bersama ini disertakan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Pertanian atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih sebagai Rakan Strategik Jabatan Pertanian di dalam Kerjasama seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju:

- 2.1 Penarikan balik sebagai Rakan Strategik Jabatan Pertanian
- 2.2 Pembatalan Nota Kerjasama dengan Jabatan Pertanian

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih sebagai Rakan Strategik Jabatan Pertanian di dalam Kerjasama seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

Catatan: Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa